



Anwar melakukan gimik perasmian sambil disaksikan Hannah, Amirudin dan Hon Kong pada Majlis Peluncuran Pembangunan Prasarana Awam Semenyih di Kampung Sungai Pening, Semenyih, semalam. (Foto Aizuddin saad/BH)

Tanah rizab Melayu dimaju akan diganti

PM jamin lot tidak akan hilang secara kekal atas nama pembangunan

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabuyamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan tanah rizab Melayu yang diambil bagi tujuan pembangunan di Semenyih akan diganti dan tidak akan hilang secara kekal atas nama kemajuan infrastruktur.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan sudah menerima jaminan daripada kerajaan negeri Selangor bahawa tanah gantian akan disediakan bagi setiap tanah rizab Melayu yang terjejas akibat projek pembangunan.

"Saya tidak akan berkompromi mengenai tanah rizab Melayu. Jika ia perlu diambil untuk pembangunan, seperti pembinaan jalan, tanah berkenaan mesti diganti.

"Inilah jaminan daripada Menteri Besar Selangor," katanya ketika merasmikan Majlis Peluncuran Pembangunan Prasarana Awam Semenyih di Kampung Sungai Pening, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Hannah Yeoh dan Pengasas KHK Land, Tan Sri Kong Hon Kong.

Anwar berkata, inisiatif itu direka khusus untuk mempercepatkan pembangunan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk, termasuk pembinaan Laluan

Pintas Semenyih dan pembangunan 100,000 lot perkuburan Islam yang memerlukan perancangan rapi kerana membabitkan tanah rizab.

"Projek seperti ini, apabila diselesaikan melalui kompromi, memberi manfaat terus kepada masyarakat. Ia sering membabitkan kawasan sensitif, termasuk tanah rizab Melayu.

"Tetapi saya bersyukur kerana dalam proses ini, kita dapat menangani isu berkaitan tanah perkuburan dan pembangunan," katanya.

Bina lot perkuburan

Katanya, pembinaan lot perkuburan adalah penting kerana kekurangan kemudahan seperti itu di Kuala Lumpur yang memerlukan lokasi baharu.

"Anggaran jumlah kematian dalam lima tahun akan datang dijangka melebihi 3,000 orang setahun.

"Ini menimbulkan keperluan mendesak untuk menyediakan ruang tambahan kerana kemudahan sedia ada di Wilayah Persekutuan tidak mampu menampung permintaan.

"Kita menganggarkan baki lot perkuburan di Kuala Lumpur hanya mencukupi untuk sekitar tiga tahun, paling lama empat tahun sahaja.

"Disebabkan itu, projek ini dipercepatkan. Selepas siap, ia akan memenuhi keperluan jangka panjang bandar ini.

"Sekitar 100,000 lot perkuburan akan dibina. Saya percaya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan memastikan perancangan dibuat dengan baik, termasuk akses dan pengurusan laluan, supaya pengguna tidak terganggu," katanya.

Projek Laluan Pintas Semenyih adalah kerjasama strategik antara KHK Land dan Kerajaan

Persekutuan yang menjadi pemacu utama inisiatif berkenaan.

Laluan sepanjang 4.3 kilometer dan empat lorong itu akan menghubungkan Semenyih ke Lebuhraya SILK dan enam lebuhraya utama lain, termasuk LEKAS dan CKE.

Inisiatif berkenaan dijangka bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas tempatan, tetapi juga memendekkan masa perjalanan ke Kuala Lumpur daripada 45 minit kepada hanya 20 minit.

Dijadual siap pada 2027, laluan pintas berkenaan akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan mobiliti, menyokong pertumbuhan seimbang, dan meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan, terutama bagi komuniti di Semenyih.

Sementara itu, Anwar berkata, potensi ekonomi Malaysia yang kukuh, disokong keupayaan tenaga kerja serta prestasi pekerjaan memberangsangkan, membuktikan negara berupaya mengangkat martabatnya sebagai negara hebat di Asia.

Katanya, angka ekonomi terkini menunjukkan prestasi negara berada pada landasan baik.

"Ini termasuk pertumbuhan ekonomi yang membanggakan pada peringkat serantau, penguatan nilai ringgit serta rekod pelaburan tertinggi dalam sejarah negara.

"Semua petunjuk positif itu penting bagi menambah keyakinan rakyat terhadap hala tuju ekonomi negara, di samping menjadi dorongan untuk terus memperbaiki kelemahan yang masih wujud.

"Tidak ada keadaan yang sempurna. Ada kelemahan, kita perbaiki. Yang penting ialah sikap positif dan usaha bersungguh-sungguh untuk membina serta membangunkan negara kerana potensi Malaysia ini sangat hebat," katanya.